

KUTKM anjur kem motivasi belia

Archival News | Berita Harian | 28/08/2004

MELAKA: Umno Parlimen Bukit Katil dengan kerjasama Kolej Universiti Teknikal Kebangsaan Malaysia (KUTKM) akan menganjurkan kem motivasi belia berjudul 'Wawasan 2020, Belia dan Kemerdekaan' di Hutan Rekreasi Ayer Keroh pada 3 hingga 5 September ini.

Setiausaha program, Mahaniza Mahat, berkata program itu bertujuan mengupas maksud dan mengisi kemerdekaan, memupuk kesedaran sivik serta menyemai sifat mulia dan jati diri remaja.

Beliau berkata, program itu menjadi medan menyampaikan maklumat bahaya sosial serta cara mencegah atau menanganinya selain memupuk semangat patriotisme.

"Kita mensasarkan lebih 300 belia berusia 15 tahun hingga 35 tahun menyertai kem ini," katanya.

Mahaniza berkata, selain mengikuti bengkel dan kegiatan latihan, peserta didedahkan pelbagai ilmu melalui ceramah.

Antaranya ialah 'Peranan Belia Dalam Mengisi Kemerdekaan dan Menanamkan Semangat Patriotisme' yang disampaikan Pengarah Jabatan Belia dan Sukan negeri, Abdul Ghani Abdul Rahman.

'Gejala Sosial - Lumba Haram, Gengsterisem Dan Rogol Adalah Musuh Negeri' oleh Ketua Polis negeri, Datuk Christopher Wan Soo Kee, manakala Dekan Hal Ehwal Pelajar KUTKM, Prof Madya Su'aidi Datuk Safei menyampaikan ceramah 'Displin Dan Jati Diri Amalan Orang Yang Berjaya Ke Arah Wawasan 2020'.

(END) Source : Berita Harian

اونيورسيتي تيكنيكل مليسيا ملاك

UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA